

Apakah erti sistem demokrasi beraja?

Oleh PENULIS KHAS

DALAM sistem Raja Berperlembagaan, Raja adalah simbol kuasa. Semua kuasa yang ada di tangan Raja, termasuk kuasa mengenai hal ehwal agama Islam di negeri-negeri adalah tertakluk kepada Perlembagaan.

Raja hanya menjalankan kuasa yang diberikan kepada mereka oleh Parlimen atau Institut perundangan yang mutlak di peringkat kebangsaan.

Dengan erti kata yang lain, Raja tidak diberikan kuasa untuk membuat undang-undang. Kuasa yang ada pada baginda hanyalah sebagai simbol kepada negara menandakan perpaduan rakyat dan kedaulatan negara. Ini berbeza dengan kedudukan Raja dalam pemerintahan beraja mutlak. Raja yang memerintah demikian mempunyai kuasa penuh untuk membuat undang-undang dan melaksanakannya mengikut kehendak baginda sendiri.

Perjanjian

Baginda menjadi kuasa penentu dalam banyak hal, halita soal hidup dan mati sekalipun.

Bagaimanapun, lazimnya Raja yang berkuasa mutlak itu mempunyai penasihat-penasihat dari orang-orang perseorangan yang dilantik oleh baginda sendiri atau oleh rakyat. Tetapi tugas mereka tidak lebih daripada menasihati.

Oleh kerana penasihat-penasihat ini dipilih oleh Raja, maka mereka bertanggungjawab kepada Raja, bukan kepada rakyat ataupun kepada negara. Walaupun demikian, dalam abad ke-20 ini, jaranglah ada Raja yang memerintah untuk kepentingan diri baginda semata-mata, malahan Raja demikian pun biasanya akan mendakwa apa-apa tindakan yang dilakukan ialah untuk kepentingan

negara dan dengan itu, kepentingan rakyat. Contoh pemerintahan Raja mutlak yang terkemuka ialah pemerintahan dinasti Pahlavi di Iran sebelum dijatuhkan dalam tahun 1980. Beberapa buah negara di Asia Barat dan Afrika masih mempunyai pemerintahan beraja mutlak.

Pemerintahan beraja mutlak di Tanah Melayu mula hapus dengan kedatangan kuasa kuasa penjajah pada abad ke-19 dengan perjanjian membahagikan bidang kuasa di rantau ini antara Inggeris dan Belanda dalam tahun 1824.


Kuasa memerintah Raja-Raja Melayu hampir hapus langsung apabila gagasan Malayan Union dicadangkan oleh penjajah Inggeris dalam tahun 1946.

Rancangan Inggeris itu menimbulkan kemarahan orang Melayu dan menyemarakkan semangat kebangsaan Melayu. Ini berkesudahan dengan penubuhan Umno yang antara lain bertujuan mempertahankan kedaulatan Raja-Raja Melayu. Sehingga kini pun Umno sahajalah satu-satunya pertubuhan politik di Malaysia yang memperuntukkan kedudukan Raja-Raja Melayu di dalam perlembagaan — Fasal 3 (2). Parti-parti lain tidak mempunyai peruntukan menjamin kedudukan Raja-Raja.

Satu faktor yang membezakan Malaysia dari banyak negara lain yang pernah dijajah ialah keputusannya terus mengemukakan institusi Raja sebagai satu institusi yang dilindungi oleh Perlembagaan apabila ia mencapai kemerdekaan.

Orang Melayu yang tebal taat selamanya kepada Raja terus mempertahankan institusi itu walaupun negara-negara Iran yang mencapai kemerdekaan lebih awal seperti India dan Indonesia bertindak mengenyapkan

□ Di Malaysia, rakyat jelata yang menjadi teras perjuangan kemerdekaan mengekalkan institusi Raja melalui Perlembagaan dan itulah sekarang ini institusi itu tetap bertapak, tetapi kedudukan dan taraf mereka sebagaimana ditetapkan oleh Perlembagaan hanyalah sesuatu yang istimewa, bukannya hak.



□ SRI Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ditabalkan dalam odor istiadat gemilang.

Raja-Raja mereka dari Perlembagaan. Di negara-negara tersebut, bukan sahaja Raja-Raja dikepalikan, diri mereka ditinda dalam dalam harta mereka dirampas.

Di Malaysia, rakyat jelata yang menjadi teras memperjuangkan kemerdekaan mengekalkan institusi Raja-Raja melalui Perlembagaan dan itulah sekarang ini institusi itu tetap bertapak, tetapi kedudukan dan taraf mereka sebagaimana ditetapkan oleh Perlembagaan hanyalah sesuatu yang istimewa, bukannya hak. Di bawah sistem demokrasi berparlimen, rakyat jelata diberi kuasa memilih kerajaan mereka sendiri yang akan memerintah dan mengurus negara. Institut Parlimen adalah kemuncak kuasa rakyat dalam negara.

Kemuncak

Maka dengan itu, Perlembagaan Malaysia telah meletakkan institusi Raja sebagai satu institusi yang mempunyai keistimewaan-keistimewaan sebagai simbol sahaja. Ini dengan sendirinya menentukan bahawa kuasa mereka kalau pun ada hanyalah simbolik. Dengan adanya keistimewaan-keistimewaan tertentu itu, mereka hanyalah diberi hak bertindak mengikut norma-norma diraja yang melambangkan kedudukan mereka yang istimewa pula di sisi undang-undang.

Mereka diletakkan di tempat istimewa, terkeluar dari penglibatan dalam kanecek politik dan tidak pula boleh didakwa dalam mahkamah terhadap apa tuduhan sekalipun. Dalam pemerintahan Raja Berperlembagaan, rakyatlah yang mempunyai kuasa meletakkan corak pemerintahan yang dijalankan melalui proses pilihanraya umum.

Parlimen yang telah menentukan perundangan-perundangan serta cara-cara negara ditubuhkan dan mengikut sistem ini, parti yang mempunyai undi terbanyak dalam Parlimen dianggap sebagai mempunyai

mandat untuk memerintah dan menadbir negara dengan memilih anggota-anggotanya menjadi menteri dalam Kabinet ialah badan eksekutif. Menteri-menteri ini sebagai anggota Parlimen adalah bertanggungjawab kepada Parlimen dan melalui Parlimen kepada pengundi-pengundi, iaitu rakyat jelata.

Ini jelas menunjukkan bahawa dalam segala hal bersangkut dengan pemerintahan negara, yang mempunyai kuasa memerintah ialah rakyat melalui wakil-wakil yang dipilih melalui pilihanraya dan bukannya Raja.

Wakil-wakil rakyat ini pula mesti mengahdaya rakyat sekurang-kurangnya sekali setiap lima tahun dan rakyat melalui proses ini sebenarnya mempunyai kuasa untuk menolak (dengan tidak memilih lagi) mana-mana pemerintahan yang difikirkan bersikap tidak adil atau tidak menjalankan tanggungjawab memerintah negara dengan saksama demi kepentingan rakyat.

Walaupun Perlembagaan menetapkan bahawa Yang di-Pertuan Agong hanya boleh bertindak dengan nasihat Kabinet, Perlembagaan juga menetapkan bahawa Yang di-Pertuan Agong mempunyai beberapa tugas yang boleh dijalankan menurut budibicara Seri Paduka.

Satu daripada tugas budibicara Seri Paduka ialah perlantikan seorang Perdana Menteri. Tetapi di dalam tugas ini pun, budibicara Yang di-Pertuan Agong bukanlah mutlak tetapi tertakluk kepada beberapa syarat, iaitu orang yang hendak dilantik itu mestilah seorang anggota Dewan Rakyat dan yang akan mendapat kepercayaan sebilangan besar anggota dewan itu.

Budibicara ini akan menjadi penting hanya apabila parti yang mendapat majoriti terbanyak dalam Dewan Rakyat tidak dapat mengemukakan seorang pemimpinnya yang dianggap dari kalangan mereka untuk memim-

pin Kerajaan. Yang akan dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong di kala itu ialah menunggu sehingga pemimpin majoriti telah dipilih dalam kepimpinan parti.

Yang di-Pertuan Agong juga boleh bertindak menurut budibicara Seri Paduka untuk tidak memberi persetujuan terhadap permintaan untuk memubarakan Parlimen. Budibicara ini diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong bagi mengelakkan seorang Perdana Menteri yang telah hilang kepercayaan sebilangan besar anggota Dewan Rakyat daripada memubarakan Parlimen bagi membolehkan satu pilihanraya diadakan.

Yang di-Pertuan Agong boleh juga bertindak menurut budibicara Seri Paduka dalam menentukan bila mesyuarat Majlis Raja-Raja akan diadakan. Tetapi ini hanyalah berkaitan dengan mesyuarat yang semata-mata mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Raja-Raja.

Perlembagaan juga memastikan bahawa undang-undang Persukutuan tidak akan merampas atau mensyaratkan tugas-tugas budibicara Yang di-Pertuan Agong itu.

Perlembagaan juga menetapkan tugas-tugas lain yang akan dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan atau atas perakuan seseorang atau sekumpulan orang lain daripada Kabinet, tetapi untuk menjalankan sebilangan besar daripada tugas Seri Paduka, Yang di-Pertuan Agong mestilah bertindak sebagai seorang Raja Berperlembagaan dan meminta nasihat Kabinet.

Mengenal persidangan Majlis Raja-Raja sekalipun, apabila majlis itu membandingkan perkara-perkara mengenai dasar negara, Yang di-Pertuan Agong hendaklah diserlah oleh Perdana Menteri dan pertimbangan-pertimbangan itu adalah antara tugas-tugas yang dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong mengikut nasihat Kabinet. — Bernama.